

**Penduduk Orang Asli Pos Kemar Gembira Dikunjungi Muhyiddin  
Bernama  
Jan 1, 2015**

GERIK, 1 Jan (Bernama) -- "Saya gembira kerana hari ini pemimpin tertinggi negara datang melawat Pos Kemar.

"Sebelum ini pemimpin tertinggi negara tidak pernah datang ke sini kecuali menteri besar," kata Tok Batin Kampung Bal, Zainal Abain yang jelas teruja dengan kunjungan Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin ke perkampungan Orang Asli itu hari ini.

Zainal, 52, berkata dia sudah tiga minggu tidak keluar menoreh getah kerana jalan raya terputus hubungan dan jambatan runtuh akibat banjir.

Menurutnya selain itu banyak tiang elektrik tumbang dan penduduk terpaksa menggunakan pengangkutan air yang mengambil masa hampir sejam untuk ke bandar.

Pos Kemar merangkumi 15 kampung antaranya Kampung Bal, Kampung Senangit, Kampung Bada, Kampung Jarau Lama, Kampung Jarau Baru, Kampung Katong dan Kampung Rantau dengan penduduknya terdiri daripada suku Temiang.

Perkampungan itu keseluruhannya mempunyai lebih 4,000 penduduk daripada 975 keluarga.

Suri rumah Sita Along, 38, dari Kampung Jarau Baru, pula berkata dia teruja dengan kunjungan pemimpin negara itu walaupun perkampungan itu jauh dari bandar.

Menurut Tok Batin Kampung Senangit, Anjang Abus, 46, walaupun terputus hubungan darat penduduk di perkampungan itu menerima bekalan makanan yang mencukupi.

"Seminggu sekali bekalan makanan seperti beras dan sardin dihantar ke sini. Bekalan itu cukup untuk seminggu.

"Lega ada bekalan makanan kerana kedai runcit tutup, lauk tak ada tak apa, sardin dan beras sudah memadai," katanya.

Anjang berkata penduduk terpaksa menyediakan kos yang tinggi untuk ke bandar dengan menaiki bot.

"Naik bot kena bayar sebanyak RM60 pergi dan balik. Tiba di jeti nak pergi ke bandar (naik kenderaan) sebanyak RM40 pergi dan balik ... ni belum termasuk barang-barang yang nak

beli," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1097399>